

Alai Ginis!



Isu 01/2025



Terbitan

Seksyen Penerbitan dan Seni Reka
Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2025

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penasihat

Siti Bismi Nuruliman Haji Awang Emzah
Sastra Sarini Haji Julaini
Mufidah Abdul Hakim

Penyelaras

Saadiatul Nur Aqilah Haji Jaman
Nor Hanizah Haji Abd Halim

Penyunting

Nor Hanizah Haji Abd Halim

Penyemak

Hajah Nurizan Mohd. Irwan

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar
Mohammad bin Kahar

Foto

Unit Fotografi
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan



KENALI BAHASA BRUNEI

Mamutik: mengutip atau memungut.

Contoh ayat: "Saminggu tiga kali ada tu urang mamutik sampah."

Ubaya-ubaya: berhati-hati atau beringat-ingat.

Contoh ayat: "Ubaya-ubaya karang ani bukan kan baik ati mambukai urang mangatuk pintu rumah, takut urang jahat."

Baudal-udal: bersusah payah menyelesaikan sesuatu pekerjaan.

Contoh ayat: "Bukannya sanang kan mamburis parau, baudal-udal mangarjakan."

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BULAN RAMADAN	1
RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI PERKATAAN TERSEMBUNYI	4
PAKAIAN TRADISIONAL MELAYU	5
RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI MARI MEWARNA	7
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI	8
RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI MARI MENGENAL	11
RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI BINA PERKATAN	12





Bulan Ramadan

Ramadan adalah bulan kesembilan dalam kalender Islam dan merupakan bulan yang mulia dan istimewa bagi umat Islaam, di mana umat Islam diwajibkan berpuasa selama 30 hari.

Sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini, seluruh umat Islam menahan diri daripada makan, minum, dan perkara-perkara lain yang membatalkan puasa, bermula dari terbit fajar (subuh) hingga terbenam matahari (maghrib).





Ketika berbuka puasa, disunatkan untuk memulakan dengan makanan atau minuman seperti kurma dan air kosong. Bulan ini memberi peluang untuk berbuka puasa bersama keluarga, sekali gus mengeratkan silaturahim.

Umat Islam juga disunatkan bersahur sebelum memulakan puasa pada siang hari.

Dipercayai bahawa Al-Quran diturunkan pada bulan ini sebagai petunjuk hidup bagi umat Islam. Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan beribadah pada bulan yang penuh rahmat ini.

Selain itu, Ramadan mengajar kita erti sabar, syukur, saling membantu, dan berkongsi dengan sesama manusia.



Kita juga disarankan untuk memperbanyak amal ibadah dengan bersedekah dan membantu orang yang memerlukan, sama ada dari segi makanan, minuman, wang, tenaga, dan sebagainya.

Pada waktu malam, selepas solat Isyak, umat Islam melaksanakan solat Tarawih, yang hanya dilakukan pada bulan ini. Walaupun solat Tarawih boleh dilakukan secara bersendirian, adalah lebih baik jika ia dilakukan secara berjemaah di masjid.

Kelazimannya, sepanjang bulan ini, terdapat bazar Ramadan yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman untuk berbuka puasa. Namun, kita dinasihatkan agar tidak membazir ketika berbelanja. Berbelanjalah secara sederhana dan elakkan pembaziran dengan membeli lebih daripada yang diperlukan.

Semoga Ramadan kali ini membawa keberkatan dan kedamaian kepada kita semua.

Oleh: Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir



RUANGAN
KECIL-KECIL CILI PADI

PERKATAAN TERSEMBUNYI



J	M	A	R	A	H	U	M	R	R
A	E	M	U	H	A	L	A	R	A
M	T	J	K	J	A	M	A	R	B
A	A	L	Z	W	H	M	W	I	I
D	I	Y	A	B	A	R	F	H	U
I	T	Y	U	D	D	E	A	K	L
L	S	A	A	Z	E	J	S	A	A
A	N	N	S	R	A	A	I	L	K
W	A	L	A	M	K	B	O	I	H
A	B	F	G	N	L	I	S	D	I
L	A	W	A	L	U	I	B	A	R
S	A	E	N	I	Z	H	B	M	G
P	Y	Z	U	L	H	I	J	A	H
O	S	U	J	D	T	R	F	J	V

BULAN ISLAM

SYAWAL
RAMADAN
REJAB
SYAABAN
JAMADILAWAL
JAMADILAKHIR
ZULKAEDAH
ZULHIJAH
RABIULAWAL
RABIULAKHIRRR
MUHARAM
SAFAR

Jawapan di muka surat 12

PAKAIAN TRADISIONAL MELAYU

Pakaian tradisional Melayu adalah sebahagian daripada warisan budaya yang kaya dan mempamerkan keindahan serta identiti masyarakat Melayu. Pakaian ini biasanya digunakan dalam majlis-majlis rasmi, perayaan, serta upacara adat.

Berikut adalah jenis pakaian tradisional Melayu:

Baju kurung adalah pakaian tradisional bagi wanita Melayu. Pada asalnya, baju kurung terdiri

daripada baju yang longgar dan labuh, biasanya dipadankan dengan


kain sarung atau kain kipas yang dililit di pinggang.

Bagaimanapun, pada masa kini, baju kurung mempunyai pelbagai fesyen mengikut perkembangan fesyen semasa.

Ini dikenali sebagai baju kurung moden.

Baju cara melayu adalah pakaian tradisional yang digunakan oleh lelaki Melayu, dilengkapi dengan kain samping atau *sinjang* yang dililit di pinggang. Baju lengan panjang dengan butang penuh di bahagian depan dan sering kali digandingkan dengan songkok di kepala. Kini, fesyen baju cara melayu tidak lagi terhad kepada butang, malah zip juga digunakan sebagai alternatif mengikut cita rasa individu.


Oleh: Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir



*Kelihatan menawan dengan
Baju Kurung dan Baju Cara Melayu
semasa
Sambutan Hari Raya Aidilfitri.*

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Maaf Zahir dan Batin



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI



Disambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran setelah sebulan berpuasa sepanjang bulan Ramadan.

Takbir Raya akan berkumandang di masjid, surau, siaran televisyen dan radio pada malam raya setelah penglihatan anak bulan Syawal diumumkan.



Pada pagi 1 Syawal, umat Islam akan menunaikan solat sunat Aidilfitri berjemaah di masjid atau surau. Solat ini diikuti dengan khutbah khas Aidilfitri.

Sebelum menunaikan solat, umat Islam diwajibkan membayar zakat fitrah sebagai satu bentuk pembersihan jiwa dan memberi kepada yang memerlukan. Zakat ini adalah kewajipan bagi setiap individu Muslim yang mampu.

Tradisi ziarah-menziarahi rumah saudara mara dan rakan-rakan adalah salah satu cara untuk mempereratkan silaturahim. Pada masa inilah umat Islam mengambil kesempatan untuk saling bermaafan antara satu sama lain, terutamanya kepada keluarga dan rakan-rakan. Tradisi ini menggalakkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat.

Pelbagai persiapan akan dibuat untuk menyambut tetamu yang datang berkunjung seperti rumah akan dihias dengan pelbagai dekorasi, penyediaan makanan untuk dihidangkan, dan pakaian Melayu traditional yang baharu.





Sambutan Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja sekadar merayakan kemenangan setelah sebulan berpuasa, tetapi juga menjadi platform untuk mengeratkan hubungan sesama umat Islam, menghayati erti pengorbanan, dan memberi perhatian kepada mereka yang kurang bernasib baik.



Oleh: Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir

RUANG KECIL-KECIL CILI PADI

MARI MENGENAL

Sila adik-adik pilih jawapan yang betul



1



Apakah nama kek ini?

- a. Kek Pelangi
- b. Kek Batik
- c. Kek Sarang
- d. Kek Lapis



2



Apakah nama kuih ini?

- a. Kuih Talam
- b. Kuih Mor
- c. Kuih Pelangi
- d. Kuih Popia



3



Apakah nama kuih ini?

- a. Kuih Bulat
- b. Kuih Mor
- c. Kuih Siput
- d. Kuih Karipap



4



Apakah nama kek ini?

- a. Kek Pelangi
- b. Kek Tapak Kuda
- c. Kek Batik
- d. Kek Kukus Buah



5



Apakah nama biskut ini?

- a. Biskut Almond London
- b. Biskut Cornflakes
- c. Biskut Cerelac
- d. Biskut Chocolate Chips



Ruangan kecil-kecil cili padi bina perkataan

1 M L A
2 S B R
3 I E T T
4 B D Y
5 K H R O I N
6 P R A U N

1. MULIA 2. SABAR 3. IDENTITI 4. BUDAYA 5. KEHARMONIAN 6. PERPADUAN

J	M	A	R	A	H	U	M		R
A						L		R	A
M					A		A	R	B
A				W	H	M		I	I
D			A	B	A	R		H	U
I		Y		D	D	E		K	L
L	S		A		E	J		A	A
A	N	N		R	A	A		L	K
W	A		A		K	B		I	H
A	B	F			L			D	I
L	A	W	A	L	U	I	B	A	R
S	A				Z			M	
	Y	Z	U	L	H	I	J	A	H
	S							J	

Jawapan bagi perkataan tersembunyi
(muka surat 4)

SYAWAL
RAMADAN
REJAB
SYAABAN
JAMADILAWAL
JAMADILAKHIR
ZULKAEDAH
ZULHIDJAH
RABIULAWAL
RABIUAKHIR
MUHARAM
SAFAR

